

# Proses pengambilan tanah MRT3 tahun depan

**Putrajaya:** Proses pengambilan tanah bagi jajaran projek mega Tansit Aliran Massa 3 (MRT3) akan bermula tahun depan, kata Menteri Pengangkutan, Anthony Loke.

Beliau berkata, proses terbabit akan dilaksanakan oleh MRT Corp secara berperingkat dan mengambil masa selama dua tahun untuk dimuktamadkan.

"Saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan sudah meluluskan peruntukan bagi proses pengambilan tanah jajaran bagi projek MRT3 dan suka untuk saya maklumkan bahawa proses pengambilan ini bermula tahun depan."

"Sehubungan itu MRT Corp akan memulakan proses pengambilan tanah secara berperingkat dan akan mengambil masa selama dua tahun untuk dimuktamadkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyaksikan pemeteraian Perjanjian Pajakan antara MRT Corp dan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan bagi Jajaran MRT Laluan Klang dan Putrajaya di sini, semalam.

Yang turut hadir; Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad.

## 1,012 lot tanah terbabit

Loke berkata, proses pengambilan tanah akan membabitkan sebanyak 1,012 lot termasuk tanah persendirian, tanah kerajaan serta tanah tidak diketahui.

Malah, pihaknya terbuka untuk berbincang dengan pemilik tanah bagi melancarkan lagi proses terbabit.

"Ada pemilik tanah yang datang kepada kita dan bertanya sama ada boleh mengadakan usa-

## OKU nikmati tambang percuma 1 Februari

**Kuala Lumpur:** Pemegang kad orang kurang upaya (OKU) boleh menikmati tambang percuma bagi pengangkutan awam mulai 1 Februari tahun depan.

Menyertai majlis itu, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke, berkata tambang percuma itu termasuk semua perkhidmatan transit aliran ringan (LRT), Transit Aliran Massa (MRT), monorel dan bas di Lembah Klang.

Beliau berkata, perkhidmatan percuma itu penambahbaikan, berbanding pas konsesi sebelum ini yang menawarkan diskon 50 peratus ke atas tambang perjalanan untuk penumpang OKU.

Loke berkata, Rapid KL dan Rapid Penang juga menyediakan perkhidmatan khusus untuk penumpang OKU yang dikenali sebagai Rapid Mobiliti yang melibatkan pemasangan lif hidraulik untuk penumpang dengan kerusi roda.

ha sama jika kerajaan tidak mengambil tanahnya.

"Itulah mekanisme yang kita sedang lihat untuk lebih kreatif supaya kos kepada kerajaan da-

pat dikurangkan dan pada masa sama, nilai komersial sesuatu tanah itu dapat dimaksimumkan dan akhirnya mungkin kita boleh ada situasi menang menang

dengan pemilik tanah," katanya.

Beliau berkata, bagi meminimumkan kos pengambilan tanah kepada kerajaan, MRT Corp secara aktif akan bekerjasama dengan pemaju harta tanah untuk menye padukan stesen MRT3 ke dalam pembangunan masa depan.

Katanya, strategi itu direka untuk mewujudkan pengalaman dan suasana harmoni untuk komuniti.

"Dengan ini, proses reka bentuk holistik boleh digabungkan untuk keselesaan penumpang seperti laluan pejalan kaki yang diperingkatkan termasuk kemudahan untuk OKU.

"Langkah ini selaras dengan prinsip rangka kerja MADANI yang memberikan tumpuan kepada pembangunan mampan dan inklusif untuk rakyat," katanya.